

19 JUN 2003

Umno-Perhimpunan (Bergambar)

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-54 BERMULA

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno 2003 yang merupakan perhimpunan terakhir bagi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden parti bermula hari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Aturcara perhimpunan bermula dengan ketibaan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pukul 8.50 pagi.

Dr Mahathir disambut oleh Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung Tan Sri Khalil Yaakob serta anggota-anggota Majlis Tertinggi.

Presiden parti menerima tabik hormat daripada perbarisan 57 anggota Briged Putera, 57 anggota Briged Wanita dan 57 anggota Puteri Umno di Dataran PWTC.

Beliau yang diiringi Ketua Pergerakan Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz, Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Pergerakan Puteri Azalina Othman Said, kemudian memeriksa perbarisan ketiga-tiga pergerakan itu.

Cuaca cerah juga memudahkan acara sambutan dilangsungkan.

Dr Mahathir seterusnya menaikkan bendera Umno sambil diiringi nyanyian lagu Umno serta lagu tema ketiga-tiga sayap Umno yang dipersembahkan bersama-sama oleh kumpulan koir pelajar pelbagai sekolah.

Selesai majlis di dataran itu, Dr Mahathir merasmikan perhimpunan dengan menyampaikan ucapan di Dewan Merdeka.

Perhimpunan yang dihadiri 2,248 perwakilan itu akan berlangsung sehingga Sabtu ini. Turut hadir ialah para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) serta perwakilan asing.

Umno yang berusia 57 tahun kini mempunyai keanggotaan tiga juta orang.

-- BERNAMA

MUN HS ROS